



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016



Photo :: Pasukan Bola Jaring Jabatan (Ukur 'A' & Ukur 'B') 2016

UKUR 'A' MENJUARAI BOLA JARING KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kem. Pembangunan: Gelaran juara telah diraih oleh pasukan Ukur 'A' pada 28 Ogos 2016 di Kejohanan Bola Jaring Kementerian Pembangunan dan Jabatan - Jabatan Dibawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, JKR. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datin Dr Junaidah Binti Hj Abu Bakar isteri kepada Setiausaha Tetap (Teknikal dan Professional).

Seramai 8 pasukan telah menyertai kejohanan bola jaring tersebut, bertempat di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. Pada kejohanan tersebut Jabatan Ukur telah menghantar 2 pasukan bola jaring iaitu Ukur 'A' dan Ukur 'B'. Format kejohanan adalah secara liga.

Pembukaan tirai perlawanan adalah diantara pasukan Ukur 'A' berlawan dengan pasukan Ukur 'B'. Perlawanan tersebut dimenangi oleh pasukan Ukur 'A'.

Semangat setia kawan, saling berkerjasama, bantu membantu dan sikap mempercayai antara satu sama lain menjadi resepi kejayaan buat pasukan Jabatan Ukur. Diucapkan tahniah buat pasukan Jabatan Tanah telah dinobatkan sebagai naib johan dan pasukan Ukur 'B' meraih tempat ketiga dalam kejohanan tersebut.

Ini adalah permulaan yang baik dan sinar baru bagi ahli-ahli baru bola jaring ikut serta supaya dapat diserapkan dalam kejohanan yang akan didatang.

Terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa bola jaring jabatan diatas penglibatan dan penyediaan keperluan bagi pasukan bola jaring samada sesi latihan dan semasa kejohanan bola jaring diadakan.



Photo :: Pasukan Bola Jaring 2016

BAUKUR 2016-2018

MS 1/6



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016



Photo :: Majlis Ibadah Korban 1437H



Photo :: Majlis Ibadah Korban 1437H

MAJLIS IBADAH KORBAN MOD 1437H

Kem. Pembangunan: Majlis Ibadah Korban Kementerian Pembagunan dan Jabatan - Jabatan Dibawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa telah diadakan pada hari Rabu petang, 12 Zulhijjah 1437 bersamaan 14 September 2016 bertempat di Dewan MODTC. Pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan - Jabatan Dibawahnya serta penerima daging korban juga dijemput hadir pada majlis tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah dan Datin.

Penyampaian agihan daging korban disampaikan oleh Menteri Pembangunan dan Datin. Sebanyak 7 ekor lembu telah dikorbankan dan diagihkan kepada yang layak menerima seramai 166 orang yang terpilih dari Mukim Berakas A dan B serta warga kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya. Seramai 48 peserta dari Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang ikut serta dalam ibadah korban.

Majlis diselanjurkan dengan mengundang penceramah jemputan dari UNISSA iaitu Yang Mulia Ustaz Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dengan ceramah yang bertajuk "Korban Ku Untuk Mu".

Majlis Ibadah Korban ini dilaksanakan adalah melahirkan rasa syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia rezki serta meningkatkan keimanan dan ketaqwaan warga Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya dalam perkara berkebajikan dan memeriahkan lagi hari-hari kebesaran Islam. Ianya juga diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya .

BAUKUR 2016-2018

MS 2/6



بдан کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور بروني

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016



Photo :: Gambar Kenangan Bersama Dr Hjh Mas

MAJLIS PERPINDAHAN DR HJH MAS

Ukur: Majlis meraikan perpindahan Dr Hjh Mas Suriaya Wati Ab Hj Hamid yang diadakan pada 17 Ogos 2016 bertempat di Bilik Hidayat, Jabatan Ukur. Pegawai-pejawai kanan yang telah bersara Hj Julaihi bin Hj Lamat dan Hj Masmin bin Hj Osman juga hadir pada majlis tersebut.

Biografi Dr Hjh Mas bermula sebagai pegawai pemetaan pada tahun 1991. Pada tahun 2002 Dr Hjh Mas dinaikkan pangkat sebagai juruukur kanan. Seterusnya, Dr Hjh Mas dinaikkan pangkat ke jawatan penolong juruukur agung pada tahun 2013.

Dalam tempoh menjawat sebagai juruukur kanan dari tahun 2002—2012, Dr Hjh Mas telah diberikan mandat untuk menerajui Bahagian Pemetaan GIS kini dikenali dengan Pemetaan Geospatial. Pada tahun 2005 Dr Hjh Mas telah melanjutkan pelajaran "PHD in Geography (Sciene)" di United Kingdom.

Sepanjang berkhidmat dengan Jabatan Ukur, Dr Hjh Mas telah dikurniakan pingat PIKB, PSB, SMB dan PKL.

Dr Hjh Mas merupakan ahli Baukur yang aktif dan pernah memegang jawatan Yang Dipertua Baukur pada tahun 2010. Dr Hjh Mas juga aktif dalam penyertaan sukan bola jaring diperingkat Jabatan.

Sempena Hari Perkhidmatan Awam, Dr Hjh Mas telah menerima anugerah cemerlang perkhidmatan awam (ACPA) sebanyak 2 kali. Pertama tahun 1998, Dr Hjh Mas berserta kumpulan telah dianugerahkan perak bagi projek "Berusaha Kearah Kecemerlangan". Manakala projek "Spatial Data Infrastructure" telah dianugerahkan emas bersama kumpulan "Geoportal Ukur" pada tahun 2014.

Dikesempatan ini semua pegawai dan kakitangan, Jabatan Ukur ingin mengucapkan tahniah diatas kenaikan pangkat sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran bermula pada 1 Sept 2016. Semoga Dr Hjh Mas maju dan sukses didalam kerjaya di Jabatan Bandaran.

Aamiin....



Photo :: Gambar Kenangan Bersama Dr Hjh Mas

BAUKUR 2016-2018

MS 3/6



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016



Photo :: Gambar Kenangan Bersama Dr Hjh Noi

MAJLIS PERPISAHAN DR HJH NORZAMNI

Ukur: Pada 17 Sept 2016, Majlis perpisahan Dr Hjh Norzamni (Dr Hjh Noi) POKS DSP Hj Mohd Salleh telah diadakan di Bilik Hidayat, Jabatan Ukur yang dihadiri oleh Pmk Juruukur Agung, Pmk Timbalan Juruukur Agung dan Pmk Penolong Juruukur Agung serta Pegawai-Pegawai Kanan.

Kenali biografi Dr Hjh Noi yang telah berkhidmat dengan pihak kerajaan selama 32 tahun. Bermula bekerja pada tahun 1984 sebagai juruteknik ukur. Dr Hjh Noi dinaikkan jawatan sebagai ketua juruteknik ukur pada tahun 1987. Pada tahun 1991 menjawat jawatan sebagai juruukur dan seterusnya dinaikkan jawatan ke juruukur kanan pada tahun 2006.

Dr Hjh Noi telah memegang jawatan juruukur kanan selama 10 tahun di Bahagian IT yang mana dikenali pada masa kini Geospatial Technology (GST). Dr Hjh juga memangku jawatan di Kementerian Pembangunan sebagai CIO (Chief Information Officer).

Tahun 2007 Dr Hjh Noi melanjutkan pelajaran di United Kingdom dalam jurusan "PHD in Geography Information Systems".

Dr Hjh Noi telah menerima 3 anugerah pada Sempena Hari Perkhidmatan Awam. Dua penerimaan anugerah yang diterima adalah Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA). Bermula dengan projek "Berusaha Kearah Kecemerlangan" bersama kumpulan telah dianugerahkan perak pada tahun 1998. Seterusnya tahun 2014, Dr Hjh Noi berserta kumpulan Geoportal Ukur dengan tajuk projek "Survey Spatial Data Infrastructure" telah dianugerahkan emas pada tahun 2014. Pada tahun 2015, Dr Hjh Noi juga dicalonkan penerima Pekerja Cemerlang Sempena Hari Perkhidmatan Awam.

Selama berkhidmat dengan Jabatan Ukur Dr Hjh Noi telah dikurniakan pingat PIKB, PSB, PKL dan SMB. Dr Hjh Noi juga merupakan pemain bola jaring Jabatan dan Kementerian.

Pada 17 Sept 2016 adalah tarikh terakhir bagi Dr Hjh bercuti sebelum bersara. Didoakan semoga dianugerahkan kesihatan tubuh badan. Terima kasih diatas sokongan/bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan selama berkhidmat dengan Jabatan Ukur.



Photo :: Gambar Kenangan Bersama
Dr Hjh Noi

BAUKUR 2016-2018

MS 4/6



بдан کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016

BADAN BAUKUR :: AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018

PENASIHAT	:	HJ ALI BAKAR BIN HJ KASIM
YANG DI PERTUA	:	PG HJH HASNALIATI BINTI PSJ PG HJ ABD MOMIN
NAIB YANG DI PERTUA	:	DK SITI SAHALINA BINTI PG HJ IBRAHIM
PENGURUSI	:	NOR LIZA BINTI HJ MOHAMED DAUD
SETIAUSAHA AGUNG	:	HJH NONA LIEZA BINTI HJ YAHYA
TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MD NORHASHIMI PG HJ BUNG SU
PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MASNAH BINTI PG HJ AHMAD
BENDAHARI AGUNG	:	NORHAZEMAH BINTI KALONG
TIMBALAN BENDAHARI AGUNG	:	HJH NURHAYATI BINTI HJ MUHD SAID
KETUA BAHAGIAN KEBAJIKAN	:	HJ MUHD AZRI BIN ABDULLAH EDONG
KETUA BAHAGIAN SOSIAL	:	HJH AIERNA BINTI HJ BAKAR
KETUA BAHAGIAN SUKAN	:	SUMARDI BIN MASTANI
KETUA BAHAGIAN UGAMA	:	PG HJ NORDIN BIN PG HJ AHMAD
AHLI	:	HJ HAMIDUN BIN HJ ISMAIL
	:	HJH MARLINASSURIWANIE BINTI ABDULLAH
	:	SITI NOOR RAMZIYAH BINTI NOOR
	:	HJH MAIMUNAH BINTI HJ OSMAN
	:	DK AZIANTY BINTI PG HJ OTHMAN

BAUKUR 2016-2018

MS 5/6



بдан کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI KE - 3 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

OKT 2016

RENCANA :: KESIHATAN

KHASIAT BUAH TEMBIKAI

- Buah alkali tertinggi
- Mengurangkan tekanan darah tinggi
- Mengurangkan risiko sakit jantung
- Mengurangkan kandungan gula dalam darah
- Kandungan air yang tinggi (92%)
- Meningkatkan sistem imunisasi badan
- Menguatkan tulang
- Memberi tenaga
- Mencuci buah pinggang
- Membantu melawan kanser



BENDI

- Menawarkan Kehamilan yang Sihat
- Membantu Mencegah Diabetes
- Membantu meringankan penyakit ginjal
- Membantu masalah pernapasan
- Anti parasit usus
- Meningkatkan kesihatan hati
- Mencegah Sembelit



Pengarang: Masnah Ahmad
Semak Oleh: Nor Liza Daud

BAUKUR 2016-2018

MS 6/6